

Headline	Kerajaan tidak akan tambah IPP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	L-19	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	312 cm <sup>2</sup>
Journalist	Siti AIRUNNISA ALAUI	AdValue	RM 6,166
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,499



# Kerajaan tidak akan tambah IPP

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI

ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 7 Jan. - Kerajaan tidak akan menambah bilangan pengeluar tenaga bebas (IPP) di negara sebaliknya akan melihat semula keuntungan yang dijana oleh kerajaan daripada kewujudan serta memantau keberkesanannya.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, ketika ini tiada kontrak atau tender baharu dibuka kepada mana-mana IPP untuk generasi kedua bermula 2016 dan 2017.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sedang melihat keperluan dan perancangan terhadap sumber tenaga di negara ketika ini sama ada mencukupi atau sebaliknya.

"Kita tidak bercadang menambah jumlah IPP namun kita akan lihat keuntungan yang dapat kita

jana melalui kewujudan IPP ini serta tahap efisien yang ditunjukkan.

"Semua IPP akan bersaing memberi yang terbaik meliputi pengurusan, kewangan, keselamatan dan keuntungan. Jika mereka tidak memenuhi keperluan, mungkin kita tidak lagi menggunakan perkhidmatan mereka dan lantik IPP lain," katanya ketika ditemui pada majlis pengumuman Seminar Saham Baharu PUC Founder di sebuah hotel di sini hari ini.

Maximus sebelum itu ditanya mengenai prestasi dan kedudukan IPP generasi pertama sama ada kontrak mereka disambung atau sebaliknya.

Lima IPP terlibat adalah YTL Power Generation Sdn. Bhd., Genting Sanyen Power Sdn. Bhd., Segari

Energy Ventures Sdn. Bhd., Powertek Bhd. dan Port Dickson Sdn. Bhd. di mana hanya dua daripada IPP berkenaan disambung kontrak.

Maximus turut menafikan dakwaan bahawa hanya 5.2 peratus tenaga daripada keseluruhan yang dibeli daripada IPP digunakan bagi memenuhi keperluan negara, sebaliknya ia dianggarkan melebihi 50 peratus.

"Saya boleh dapatkan jumlah yang tepat untuk anda kerana mereka (IPP) juga dibayar atas apa yang mereka hasilkan. Kita ada meter yang dapat kesan berapa banyak tenaga yang dijual dan sebaliknya. Dakwaan hanya lima peratus digunakan adalah tidak berasas," katanya.



KERAJANAN tidak akan menambah bilangan pengeluar tenaga bebas (IPP) bagi membolehkan IPP bersaing dalam menghasilkan sumber tenaga berkenaan.

- GAMBAR HIASAN